



**BAB 5**

**MASALAH DAN**

**KESAN PEMBAHAGIAN**

## MASALAH DAN KESAN PEMBAHAGIAN

Proses pembahagian tanah pusaka merupakan satu proses yang rumit kerana ia bukan sahaja melibatkan satu jenis undang-undang tetapi merangkumi undang-undang sivil dan undang-undang Islam. Pembahagian ini juga melibatkan sentimen kekeluargaan yang boleh menimbulkan pelbagai konflik dan masalah. Dalam bab ini, tumpuan diberi kepada masalah yang dihadapi semasa pembahagian sama ada di peringkat pentadbiran atau peringkat komuniti dan dilihat juga kepada kesan-kesan yang dihadapi selepas pembahagian tanah pusaka.

### 5.1 MASALAH DI PERINGKAT PENTADBIRAN

Sebarang urusan mengenai harta pusaka tak alih tanah diuruskan oleh Pejabat Harta Pusaka Kecil, Sungai Petani. Tuntutan oleh waris untuk membahagikan tanah, memanggil bicara, memproses permohonan waris dan segala hal bersangkutan dengannya diuruskan oleh bahagian ini.

Bahagian hal ehwal harta pusaka kecil ini ditubuhkan sejak tahun 1974. Pejabat Harta Pusaka Kecil ini meliputi seluruh kawasan Kuala Muda. Sejak 1hb Mac 1974 sehingga Februari 1991, jumlah fail yang terdapat di sini adalah sebanyak 3257 yang meliputi soal pembahagian harta pusaka tanpa mengira kaum. Dalam penyelesaian sesuatu kes pihak pentadbir pusaka bekerjasama dengan mahkamah syariah dan sivil untuk menentukan bahagian dan kemudian dengan pihak pejabat tanah untuk menentukan kawasan dan pengesahan di dalam geran.

Menurut Tuan Suhana, kerana bahagian harta pusaka, masalah yang sering dihadapi oleh pihak pentadbir ialah waris yang tidak hadir semasa perbicaraan, boleh menyebabkan kes tertangguh, borang-borang permohonan tidak diisi dengan betul. Selepas pembahagian pula ada ahli waris yang tidak berpuas hati dengan bahagian yang diperolehi dan mereka mahu diselesaikan di mahkamah sivil, sarak waris dan sebagainya.

Dalam menyelesaikan masalah wujud yang, pihak yang terlibat ada membuat laporan setiap bulan yang dikenali sebagai Laporan Prestasi Unit. Pengkaji dibenarkan untuk menganalisa laporan-laporan berkenaan iaitu, empat laporan yang dikeluarkan pada bulan Februari bagi tahun-tahun 1988, 1989, 1990 dan 1991. Analisa bagi kawasan Kuala Muda, kes-kes perbicaraan dan penyelesaian pusaka bagi bulan Februari untuk empat tahun adalah seperti di bawah:

Jadual 5.1 : Kes-kes perbicaraan/ Penyelesaian Pusaka Bulan Feb bagi tahun-tahun tertera

PERKARA	1988	1989	1990	1991
Jum. Fail sejak 1.3.74 (A)	2591	2782	3034	3257
Baki bulan lepas (B)	111	82	81	66
Kes terima bulan laporan (C)	21	19	23	25
Jumlah dalam tangan (B)+(C)	132	101	104	91
Panggil Bicara (E)	30	19	21	8
Selesai (F)	27	18	21	8
Baki (D - F) (G)	105	83	83	83

Sumber : Laporan Prestasi Unit, Pejabat Harta Pesaka Kecil

Dari jadual di atas, didapati kes-kes yang selesai adalah jauh lebih rendah daripada kes-kes yang ada. Banyak kes-kes tertangguh disebabkan menunggu faraid dari mahkamah syariah, menunggu keputusan rayuan mahkamah tinggi atau syariah, menunggu borang C iaitu borang yang dihantar kepada mahkamah tinggi Kuala Lumpur untuk difailkan permohonan dan keizinan bagi pihak Pejabat Harta Pesaka Kecil meneruskan proses permohonan waris dan masalah waris yang tidak hadir tiga kali berturut-turut di mahkamah syariah untuk menyelesaikan masalah pembahagian.

Masalah-masalah ini timbul disebabkan oleh kelemahan sikap kerjasama antara waris yang boleh menyebabkan kelewatan penyelesaian sesuatu kes. Dari segi pentadbiran pula, untuk pembahagian harta orang-orang Islam ia terpaksa melalui dua mahkamah yang berbeza dasarnya iaitu mahkamah Sivil dan mahkamah Syariah. Untuk satu-satu kes, pihak Pejabat Harta Pesaka Kecil terpaksa menghantar satu permohonan kepada Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk menyemak sama ada permohonan ahli waris tersebut pernah dilakukan oleh mana-mana pejabat Harta Pesaka yang lain. Untuk mendapat jawapan pihak ahli waris terpaksa menunggu dua hingga tiga minggu. Selepas mendapat keizinan barulah proses yang selanjutnya dilakukan. Prosedur-prosedur ini melewatkan proses pembahagian tanah pusaka.

## 5.2 MASALAH DI TEMPAT KAJIAN

Masalah yang wujud di tempat kajian adalah berbeza dari masalah yang wujud di bahagian pentadbiran. Analisis ke atas geran-geran tanah tidak mencerminkan sebarang masalah. Nama-nama ahli waris yang tertera tidak dapat dipertikai lagi kesahan

pemilikan mereka.

Secara temubual dengan ahli-ahli waris, pengkaji mendapati ada masalah pembahagian yang timbul. Walaupun peratusannya kecil iaitu 5.7 % daripada keseluruhan pembahagian tetapi masalah ini menjejaskan seluruh generasi dari pendapat harta pusaka. Masalah tersebut ialah masalah "sorok waris". Kemungkinan peraturan ini lebih besar tetapi tidak ada waris yang mahu mengungkitkan masalah ini kerana ia melibatkan sentimen kekeluargaan dan boleh mencetus kontroversi di kalangan saudara mara. Apa yang ditemui jelas menunjukkan bahawa masalah ini boleh menimbulkan rasa tidak puas hati dan konflik.

Contoh yang dikemukakan di sini ialah di lot 768 iaitu kawasan kebun getah seluas 6.2 relong. Pembahagian tanah pusaka berlaku selepas pemilik asal meninggal dunia dan ia dibahagikan kepada waris yang terdiri daripada enam orang anak pemilik, seorang menantu (wakil suaminya yang telah meninggal dunia) dan lima orang cucu. Keadaan yang sebenarnya ialah pemilik tersebut mempunyai lapan orang anak iaitu lima lelaki dan tiga perempuan. Salah seorang anak lelakinya telah meninggal dunia dan bahagian tersebut diterima oleh menentukan anak-anak. Seorang lagi waris perempuannya juga telah meninggal dunia sebelum pembahagian tetapi bahagian untuk anak perempuan tersebut tidak diagihkan kepada ahli waris yang selanjutnya iaitu anak lelaki simati.

Maka dari sini timbulnya kes sorok waris iaitu semasa pembahagian tanah dilakukan nama anak perempuan yang telah meninggal tidak dimasukkan dan waris yang selanjutnya tidak diberitahu mengenai pembahagian tersebut. Oleh itu tidak ada

bahagian untuk simati dan anak-anak simati seterusnya tidak ada kuasa ke atas tanah itu. Mengikut hukum faraid ahli-ahli waris wajib diberitahu dan pembahagian hendaklah dilakukan dengan seadil-adilnya.

Kesan "sorok waris" ini ialah kerugian kepada satu pihak dan seterusnya keseluruhan generasi pihak tersebut kerana kehilangan kuasa ke atas sebidang tanah. Responden yang ditemui, memberitahu bahawa beliau tidak dapat berbuat apa-apa untuk mengembali haknya kerana pembahagian dilakukan tanpa pengetahuannya. Pihak Pejabat Harta Pesaka ada memberi tempoh selama 14 hari ke atas sebarang permohonan berhubung dengan permohonan pembahagian. Sekiranya tidak ada bantahan maka permohonan itu akan diproses untuk pembahagian sepertimana yang dituntut oleh ahli waris berkenaan.

Mangsa sorok waris ini menumpang di tanah bapa saudaranya, iaitu salah seorang waris. Beliau mempunyai perjanjian bertulis iaitu beliau dibenarkan tinggal di tanah berkenaan sehingga satu tempoh yang tidak dihadkan tetapi sekiranya pemilik tanah tersebut ingin mengambil balik tanah yang didiami, beliau hendaklah menyerahkan kembali tanpa sebarang bayaran atau tuntutan gantirugi. Apa yang diperlihatkan di sini ialah ketidakadilan yang dilakukan oleh masyarakat. Sorok waris boleh mencetuskan satu perbalahan di dalam keluarga.

Pengkaji telah digesa oleh responden supaya bersemuka dengan waris yang lain untuk bertanyakan kedudukan beliau. Temubual dijalankan dengan waris berkenaan tetapi tidak ada di antara mereka yang menyebut tentang kematian waris perempuan tersebut. Bila masalah ini dirujuk kepada Pejabat Harta Pesaka Kecil, pihak

pentadbiran tidak dapat berbuat apa-apa sesudah sesuatu pembahagian diluluskan kecuali individu yang terlibat memohon semula kepada mereka supaya fail pembahagian tanah pusaka dibuka kembali. Ini memerlukan masa yang lama dan juga kos. Untuk responden yang terbabit di dalam masalah ini, beliau tidak mampu untuk merayu semula kepada pihak pentadbiran kerana ini akan mencetuskan krisis yang lebih serius di kalangan saudara maranya. Selain daripada itu beliau juga tidak mampu untuk menanggung sebarang kos pembayaran disebabkan pendapatannya yang kecil dan tidak menentu.

Selain daripada sorok waris, masalah lain yang timbul di dalam pembahagian tanah pusaka ialah apabila pembahagian tidak dijalankan dengan secepat mungkin. Kampung Sungai Layar Ujong merupakan satu kawasan yang sedang dibangunkan. Dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini, tanah-tanah yang terdapat di sini telah diambil untuk pembinaan jalanraya. Bagi lot-lot tanah yang terlibat, kerajaan membayar pampasan untuk bahagian yang diambil dengan kiraan sekaki lapan puluh sen. Bagi lot tanah yang telah lengkap senarai waris dan bahagian-bahagiannya maka soal pembayaran tidak menjadi masalah. Tetapi bagi tanah-tanah yang tidak dibereskan lagi soal pembahagian maka pihak kerajaan tidak dapat membayar wang pampasan.

Masalah ini dihadapi oleh responden di lot 2740 di mana pembahagian tanah masih belum dijalankan lagi. Jalan raya telah dibina melalui tanah ini. Jadi pihak kerajaan terpaksa membayar wang pampasan tetapi pemiliknya yang sebenar telah meninggal dan warisnya tidak melakukan apa-apa untuk menyelesaikan masalah ini.

Pihak kerajaan juga tidak dapat berbuat apa apa sehingga ahli waris menyelesaikan masalah pembahagian, barulah wang pampasan dibayar.

Banyak masalah yang timbul dalam pengurusan tanah pusaka terutama bagi kes-kes yang melibatkan pengambilan tanah untuk tujuan pembangunan dan pembinaan infrastruktur. Bagi penduduk kampung yang telah menerima pampasan ia tidak menjadi masalah tetapi ada penduduk kampung yang menerima pampasan yang tidak setimpal dengan apa yang diambil oleh pihak kerajaan. Contohnya di dalam Fail PTKM/J/14/77 SF 3 ada mengandungi tuntutan-tuntutan penduduk ke atas pampasan tanah yang diambil oleh JKR untuk jalanraya. Salah satunya ialah surat rasmi dari Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan dan kemajuan kampung kepada pihak berkenaan mengenai pembayaran yang tidak seimbang yang dilakukan oleh pihak kerajaan. Antara lainnya mereka menyatakan bahawa pembayaran pampasan pada tahun 1980 adalah dengan cara ugut dan menakutkan pihak tuan tanah semasa penilaian dijalankan iaitu sekiranya pihak tuan tanah tidak mahu menerima sebanyak yang diberi maka mereka akan melepas sahaja. Perkara lain yang disebut ialah bahawa tawaran pampasan dibuat secara borong misalnya surat penilaian seorang pemilik adalah sebanyak 3,320 ringgit tetapi bayaran yang diterima adalah 2,350 ringgit sahaja.

Masalah yang timbul ini mungkin disebabkan oleh terdapat ramainya pemilik di dalam satu-satu geran yang boleh merubahkan nilai harga tanah seorang individu dengan individu yang lain. Oleh itu, tumpuan selanjutnya ialah kepada kesan-kesan pembahagian tanah pusaka yang memungkinkan timbulnya masalah-masalah ini.



### 5.3 KESAN PEMBAHAGIAN

Sebagaimana yang telah disebutkan dalam bab empat, pembahagian tanah pusaka berlaku dalam beberapa cara iaitu faraid, hibah dan sama rata. Juga telah disebutkan bahawa pembahagian yang dijalankan telah membawa kepada pemilikan beramai-ramai dalam sesuatu lot tanah. Jadi tumpuan selanjutnya ialah melihat kesan-kesan pembahagian yang diamalkan oleh penduduk. Apakah kesannya kepada tanah serta corak penggunaannya dan apakah kesan pemilikan yang ramai kepada tanah?

#### 5.3.1 Kesan pembahagian ke atas tanah

Pembahagian yang dilaksanakan oleh penduduk jelas menunjukkan kemasukkan ramai pemilik ke atas satu-satu lot tanah. Jumlah keluasan tanah pusaka yang dikaji ialah 171.6 relong yang dimiliki oleh 35 orang pemilik. Selepas pembahagian pertama jumlah pemilik tanah meningkat kepada 168 orang. Sebelum pembahagian, dilihat bahawa purata milik tanah kepada seorang individu ialah 4.9 relong. Selepas pembahagian ia puratanya menurun kepada lebih kurang 1 relong seorang.

Apa yang cuba dibincangkan di sini ialah pola pemilikan tanah telah mengecil. Pada peringkat sebelum pembahagian pemilikan tanah adalah seperti dijadual berikut :

Apa yang cuba dibincangkan di sini pola pemilikan tanah telah mengecil. Pada peringkat sebelum pembahagian pemilikan tanah adalah seperti di jadual berikut :

Jadual 5.2 : Keluasan Tanah Pusaka sebelum Pembahagian

KELUASAN/RELONG		BIL/LOT	%
0.1	2.0	2	5.7
2.1	4.0	10	28.6
4.1	6.0	14	40.0
6.1	8.0	5	14.4
8.1	10.0	1	2.8
10.1	12.0	2	5.7
Lebih 12.0		1	2.8
JUMLAH		35	100.0

Bilangan lot yang tercatat di jadual adalah merangkumi lot-lot yang belum dibahagikan mengikut faraid, hebah dan sama rata. Ia adalah keluasan pemilikan asal oleh 35 orang pemilik merangkumi tanah bendang, kampung dan kebun getah.

Daripada keluasan yang tertera, 40.0 % berada dalam keluasan 4.1 sehingga 6.0 relong, 28.6 % lot berada dalam keluasan 2.1 hingga 4.0 relong, 14.4 % pada keluasan 6.1 relong hingga 8.0 relong. 5.7 % pada keluasan 0.1 % hingga 2.0 relong dan 10.1 hingga 12 relong. Dari sini dapat dilihat bahawa pemilikan ramai pada keluasan 4.1 hingga 6.0 relong. Tidak ada keluasan di bawah satu relong.

Selepas pembahagian pertama dilakukan, keluasan pemilikan tanah adalah seperti jadual di bawah. Pengiraan pemilik ini berdasarkan kepada semua kategori di dalam pembahagian pertama sama ada individu menghebah, membahagi secara faraid dan adat.

JADUAL 5.3 : BILANGAN PEMILIK MENGIKUT KELUASAN SELEPAS PEMBAHAGIAN PERTAMA

KELUASAN / RELONG	BIL. PEMILIK	%
0.1 - 1.0	108	64.3
1.1 - 2.0	36	21.4
2.1 - 3.0	14	8.3
3.1 - 4.0	4	2.4
4.1 - 5.0	5	3.0
5.1 - 6.0	1	0.6
JUMLAH	168	100.0

Jadual 5.3 memperlihatkan perubahan yang ketara kepada pemilikan tanah. Selepas pembahagian pertama setiap waris yang tertera namanya pada geran mendapat bahagian yang kurang daripada enama relong. Paling ketara jumlah keluasan yang dimiliki ialah di bawah satu relong iaitu seramai 108 orang atau 64.3 % daripada jumlah keseluruhan pemilik. Hanya 21.4 % memiliki keluasan antara 1.1 hingga 2 relong. 8.3 % memiliki 2.1 hingga 3.0 relong. 2.4 % memiliki kawasan seluas 3.1 hingga 4 relong. 3.0 % atau 5 pemilik sahaja yang memiliki kawasan seluas 4.1 hingga 5.0 relong. Hanya seorang pewaris yang memiliki kawasan seluas di antara 5.1 hingga 6.0 relong. Analisis geran ini ialah dengan mengandaikan bahawa setiap individu berhak kepada bahagian masing-masing. Kemungkinan pada situasi yang sebenar tidak semua di antara mereka yang mengambil bahagian masing-masing.

Pola yang cuba ditonjolkan di sini ialah tentang pemilikan tanah di kalangan orang Melayu akibat daripada pembahagian tanah.

Dari sudut pembangunan dan ekonomi pengerjaan tanah sedemikian amat tidak ekonomik. Oleh itu walaupun pihak-pihak tertentu cuba untuk memodenkan sektor pertanian di kawasan luar bandar dengan memberi bantuan infrastruktur atau modal tetapi tidak melihat masalah ini, segala bantuan berkenaan tidak dapat membantu golongan petani. Menurut Ozay Mehmet, percubaan untuk memodenkan penanaman padi di Malaysia tanpa mengubah struktur pemilikan tanah telah membawa kepada kemiskinan kerana kelaparan tanah di kalangan petani terus ujud. Beliau melihat masalah ini sebagai kesan perlaksanaan hukum faraid.

Rahimah Abdul Aziz turut memberi pandangan yang sama mengenai masalah tanah yang dihadapi oleh golongan petani. Menurut beliau masalah kelaparan tanah di kalangan rakyat Malaysia telah timbul bukan kurangnya tanah tetapi disebabkan pemilikan dan penguasaan tanah yang tidak sama rata dan ketidakupayaan masyarakat untuk memiliki saiz tanah yang luas. Saiz keluasan tanah petani adalah agak kecil dan tidak ekonomik yakni lima ekar ke bawah. Menurut Rahimah, masalah pemecahan tanah pusaka kepada waris yang ramai bilangannya dianggap sebagai satu fakta yang menyebabkan orang Melayu semakin miskin.

### **5.3.2 Kesan penbahagian kepada penggunaan tanah**

Pembahagian tanah pusaka juga telah merubah corak penggunaan tanah di kampung ini. Seperti yang telah dijelaskan penggunaan tanah kampung dibahagikan kepada tanah sawah, kebun kecil getah dan tanah kampung. Dilihat kepada keseluruhan corak pengusahaan tanah sawah telah dibahagikan kepada pemilik yang mewarisi

bahagian tersebut. Semasa temubual, pengkaji mendapati waris-waris tanah mengerjakan bahagian masing-masing bergantung kepada keluasan. Waris yang mempunyai bahagian kurang daripada satu relong biasanya menyerahkan kepada seorang saudara mereka untuk mengerjakan tanah tersebut. Malah ada beberapa pewaris yang mengerjakan keseluruhan tanah yang diwarisi dan mereka menggunakan budi bicara sendiri dalam membahagikan hasil yang diperolehi. Bagi kawasan padi, tidak banyak perubahan dalam pengusahaan. Cuma tanah yang dikeriakan kecil sedikit daripada tanah asal.

Kesan pembahagian telah mengubah corak penggunaan tanah kebun kecil getah. Kedudukan tanah kampung dan kebun getah lebih kurang bertindan antara satu sama lain. Semasa 'pilot survey', pengkaji dapati ada tanah-tanah kebun yang dijadikan petempatan. Contohnya di lot 760. Tiga waris telah mendirikan rumah masing-masing di tanah kebun getah. Dengan itu kawasan tanah petempatan telah berkembang.

Dari segi penggunaan tanah, secara amnya terdapat perbezaan penggunaan tanah iaitu dari tanah kebun getah kepada tanah petempatan. Bagi tanah-tanah sawah pula, terdapat perbezaan pemilikan dan pengusahaan. Bagi waris yang tidak menetap di kampung ini, biasanya menyerahkan bahagiannya untuk diusahakan oleh saudara yang tinggal di sini.

## KESIMPULAN

Sebagai sambungan kepada pembicaraan mengenai pembahagian tanah pusaka, bab ini telah melihat hasil pembahagian yang telah mengujudkan masalah dan kesannya di dalam komuniti kampung. Masalah yang ujud melibatkan pihak berkuasa dan masyarakat. Proses pembahagian tanah pusaka agak kronik kerana ia melibatkan dua sistem perundangan yang bercanggah pada dasarnya iaitu syariah dan sivil. Sudah sampai masanya kini, masalah pembahagian tanah pusaka yang melibatkan orang Islam diselesaikan dan ditadbirkan di bawah satu undang-undang. Ini akan mempercepatkan proses pembahagian dan meninggikan lagi kedudukan mahkamah syariah.

Persoalan dasar yang lebih penting ialah mengenai kesan pembahagian tanah pusaka kepada masyarakat Melayu. Walaupun kajian yang dilakukan meliputi kawasan yang kecil tetapi ia mengungkap satu masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat Melayu umumnya iaitu pemilikan saiz tanah yang kecil dan sebab terjadinya demikian. Beberapa pihak melihatnya sebagai akibat daripada perlaksanaan hukum faraid. Bagi masyarakat Islam, perlaksanaan dasar ini tidak dapat dielakkan. Siapakan yang harus disalahkan di dalam situasi begini. Islam membenarkan pemilikan harta tetapi tidak mengujudkan feudalism atau kapitalisma. Begitu juga undang-undang syarak yang diperturunkan kepada umat Islam hanyalah sebagai panduan untuk diikuti. Terpulanglah kepada kebijaksanaan manusia untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi.

Dalam masalah kemiskinan orang Melayu yang dikaitkan dengan pengusahaan tanah yang kecil dan tidak ekonomik sudah lama diperkatakan. Kajian ini menunjukkan bahawa kesan pembahagian tanah menyebabkan 64.3% waris memiliki tanah kurang daripada 1 relong.